

PERBANDINGAN *QIRĀ'ĀT MUTAWĀTIRAH 'FARSH AL-HURUF'* DAN PERKAITANNYA DALAM PERBEZAAN HUKUM FIKAH BERKAITAN IHRAM

(Comparisons of *Qirā'āt Mutawātirah 'Farsh al-Huruf'* an its Relation to the Various Fiqh Laws Derived on the Issues of Ihram)

¹ MOHD A'TARAHIM MOHD RAZALI

² YAKUB@ ZULKIFLI MOHD YUSOFF

¹ NOR HAFIZI YUSOF

¹ ABDILLAH HISHAM ABD. WAHAB

¹ NORMADIAH DAUD

¹ MOHD FAIZ HAKIMI MAT DERIS

¹ Jabatan al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak Kampus,
21300 Kuala Terengganu Darul Iman, Malaysia

² Jabatan al-Quran & al-Hadis, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Qirā'āt adalah satu disiplin ilmu Islam yang masih asing kalangan masyarakat Islam Malaysia walaupun tanpa disedari, secara amalnya telah dipraktikkan dalam pembacaan al-Quran rutin harian mereka. Artikel ini cuba meninjau kedudukan dua perbezaan lafaz *qirā'āt mutawātirah* terhadap perbezaan hukum fikah kalangan fuqaha. Pemerhatian dilakukan dari aspek *wajh qirā'at* bertujuan mengamati perbezaan wajah *qirā'āt* bagi menyingkap pengaruhnya dalam mengeluarkan hukum fikah dalam permasalahan *fiqh ihrām* dalam kalangan Fukaha Empat. Artikel ini ditulis berdasarkan kajian ke perpustakaan yang bergantung penuh kepada sumber-sumber perpustakaan berbentuk dokumen yang terdiri daripada kitab-kitab tafsir, hadis, fikah, sejarah, jurnal ilmiah, kertas kerja dan bahan ilmiah lain yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini. Ternyata dapatan hasil penyelidikan merumuskan bahawa kesahan disiplin ilmu *qirā'āt* ini, jelas tidak boleh dipertikaikan tentang kewujudannya malah

ketidaksamaan bacaan al-Quran menerusi perbezaan *qirā'āt* memberi impak yang besar terhadap penafsiran al-Quran terutama ayat-ayat yang melibatkan hukum fikah. Dalam erti kata yang lain, ketidaksamaan *wajh qirā'āt* yang berlaku pada ayat-ayat al-Quran telah menimbulkan perbezaan pendapat dan ijihad kalangan fuqaha' dalam menginstibatkan sesuatu hukum yang terkandung di sebalik *wajh qirā'āt* dalam sesuatu ayat fikah seperti permasalahan Ihram.

Kata kunci: *Qirā'āt*; *mutawātirah*; hukum fikah; ihram; ilmu al-Quran.

ABSTRACT

The science of qirā'āt is a form of discipline that is relatively unfamiliar amongst the Muslim Malaysians even though it is applied during proper recitations of the Quran. This paper attempts to review two different recitations of the Quran from perspective of qirā'āt mutawātirah in deriving various fiqh laws. Analyses were made on wajah qirā'āt in order to determine its influence on deriving jurisprudence laws concerning Fiqh Ihram issues as debated by the four scholars of fiqh. This article is based on literature reviews of tafsirs, hadith, fiqh, historical documents, scientific journals, academic papers and other relevant materials. The finding reveal that the science of qirā'āt is an important discipline because the differences of reciting the Quran have a major impact towards the interpretations of the Quranic verses, in particulars, interpretations related to fiqh. As such, the differences of wajah qirā'āt in reciting the Quran have also led to differences of opinions and decisions amongst the fuqaha' which is especially evident in deriving laws for issues such as ihram.

Keywords: *Qirā'āt*; *mutawātirah*; *fiqh law*; *ihram*; *knowledge of al-Quran*.

PENGENALAN

Ilmu *qirā'āt* dikenali sebagai satu cabang ilmu untuk mengetahui persamaan dan perbezaan yang terdapat di kalangan orang yang meriwayatkan kitab Allah SWT baik dari sudut *ḥazaf* (hilang), *ithbāt* (ada), barisnya, berceraai, bersambung, aspek cara-cara penyebutan seperti *ibdāl*, *tashīl*, *raūm* dan seumpamanya yang diambil secara *talaqī* dan *mushāfahah* daripada ulama-ulama *qirā'āt* bermula dari zaman nabi, sahabat, tabiin, tabi' tabiin dan seterusnya hingga diwarisi ke hari ini (al-Banna 1987).

Di Malaysia, kita melihat arus perkembangan ilmu al-Quran terutamanya ilmu *qirā'āt* yang telah berjaya mendapat perhatian masyarakat umum. Ia telah berkembang

pesat sekali berikutan kewujudan pusat-pusat pengajian tahfiz yang didirikan di serata Malaysia. Situasi ini secara jelas menunjukkan bahawa minda masyarakat kini telah terbuka dan mereka mula menyedari betapa pentingnya ilmu ini untuk diwarisi sebagaimana ia telah menjadi ilmu asas yang diwarisi oleh ulama-ulama silam terdahulu.

Justeru pihak kerajaan telah mengambil pelbagai alternatif dan berprihatin dalam menyebarkan dan memperluaskan kefahaman yang mantap mengenai kepelbagaian *qirā'āt* di dalam pembacaan al-Quran ini kepada segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan pelajar-pelajar masa kini. Keperihatinan kerajaan dalam hal ini dapat dilihat menerusi penubuhan sebuah Pusat Islam melalui Institut Tahfiz di bawah kelolaannya, Maahad-Maahad Tahfiz al-Quran di seluruh negeri, Institut-Institut Tahfiz Swasta dan sebagainya yang tumbuh dengan pesat di serata tempat.

Namun begitu, penulis melihat kajian mengenai inti pati disiplin ilmu *qirā'āt* masih kurang ditonjolkan dan dibincangkan secara ilmiah di semua peringkat akademik dan ijazah tinggi secara khususnya. Kajian mengenai *qirā'āt* ini adalah suatu yang penting memandangkan perbezaan bentuk bacaan kadangkala membawa perbezaan hukum dan penafsirannya. Ini kerana khilaf bacaan pada *farsh al-huruf* dalam sesuatu ayat al-Quran memberi kesan dalam perbincangan *fiqh islami* seperti permasalahan hukum fikah dalam bab ihram.

Hukum fikah dalam permasalahan ihram mempunyai hubungan yang kuat dalam amalan seharian umat Islam. Berdasarkan kepelbagaian atau perbezaan wajah *qirā'āt* pula memberikan pelbagai hukum fikah yang anjal kalangan fuqaha yang begitu harmonis dan bersesuaian dengan pratikal umat Islam untuk beramal dengannya. Sebenarnya perbincangan kalangan fuqaha dalam menjelaskan hukum berdasarkan wajah *qirā'āt* berkaitan ihram adalah wajar diperluaskan dari konteks perbahasan dan perbincangan ilmiah. Ini kerana gagasan ilmu seperti hukum *fiqh* yang bersumberkan *qirā'āt* wajar disusun galurkan perolehannya agar dapat dilihat seiring dengan ilmu Islam yang lain. Tambahan pula kepelbagaian hukum hasil ijtihad kalangan fuqaha dalam aspek ini adalah bersumberkan darinya.

PENTAKRIFAN *QIRĀ'ĀT* DAN AL-QURAN SERTA RUKUN *QIRĀ'ĀT* *MUTAWĀTIRAH*

Qirā'āt dan al-Quran sememangnya mempunyai hubungan begitu akrab antara satu sama lain. Justeru, penulis merasakan adalah wajar untuk disertakan definisi dari sudut bahasa, istilah dan setiap yang bersangkutan paut dengannya terlebih dahulu sebelum melangkaui perbincangan mengenainya.

Qirā'āt atau dalam bahasa Arab *al-qirā'āt* adalah lafaz *jam'* dari kalimah *qirā'ah* yang memberi erti wajah-wajah bacaan al-Quran seperti *qirā'āt sab'* (Muhyī al-Dīn Ṣābir 1999). Lafaz ini memberi maksud *الجمع أو الاجتماع*, himpun ataupun perhimpunan. Ia adalah kata terbitan dari perkataan *قراءة - يقرأ - قرأ* (Ibn Manẓūr 1999). Dari segi istilah pula, *qirā'āt* adalah satu cabang ilmu untuk mengetahui persamaan dan perbezaan yang terdapat di kalangan orang yang meriwayatkan kitab Allah SWT dari segi *hadhaf* (hilang), *ithbāt* (ada), baris, bercerai, bersambung dan seumpamanya. Di samping itu, ia mengambil kira juga dari aspek cara-cara penyebutannya seperti *ibdāl*, *tashīl*, *raūm* dan seumpamanya yang diambil daripada perawinya secara *talaqqī mushāfahah* daripada nabi SAW.

Al-Quran dari sudut bahasa berasal daripada pecahan *maṣdar* kalimah yang mempunyai hamzah iaitu: *قرآن، يقرأ، قراءة و قرآن* (al-Zarqānī 1942). Walaupun begitu, terdapat pendapat mengatakan bahawa ia dibaca tanpa hamzah (قران) iaitu bacaan Imam Ibn Kathīr (m. 120H) yang diriwayatkan daripada Imam Shafīe (Ibn Manẓūr 1999). Lafaz ini (قران) juga merupakan bacaan yang *wārid* daripada Nabi Muhammad SAW bahkan telah disepakati oleh para ulama malah diiktiraf sebagai al-Quran. al-Shāṭibiyy (1990) ada menjelaskan hal ini di dalam kitabnya iaitu:

ونقل قران بالقرآن دواؤنا

Maksud: Memindahkan pada lafaz *قرآن* (baris *hamzah*) menjadi *قران* (huruf yang berada sebelumnya iaitu huruf *ر* yang *sākin*) oleh Ibn Kathīr.

Qirā'āt mutawātirah adalah merupakan *qirā'āt* yang sahih. Para ulama *qirā'āt* salaf mahupun khalaf telah menentukan bahawa *qirā'āt mutawātirah* mempunyai tiga rukun asas. Setiap *qirā'āt* yang tidak mempunyai salah-satu dari rukun ataupun kesemuanya maka ia dikira dan dinilai sebagai *qirā'āt shādhdhah*. *Qirā'āt shādhdhah* pula menurut istilahnya adalah *qirā'āt* yang tiada ataupun gugur salah satu dari tiga rukun yang telah ditetapkan iaitu *isnad* yang sahih *tawātur*, bertepatan resam Uthmānī dan bertepatan dengan bahasa arab. Ianya tidak layak dibaca dan dinamakan sebagai al-Quran (Sa' bān 1986). Rukun-rukun tersebut ialah:

1. *Qirā'āt* yang bermuwafakat dengan kaedah bahasa Arab walaupun dengan satu wajah.
2. *Qirā'āt* yang bersesuaian di dalam penulisan *Uthmānī* walaupun secara *iḥtimal* (dibaca dengan dua bacaan ataupun lebih walaupun dalam satu penulisan).
3. *Qirā'āt* yang mempunyai sanad yang sahih.

Qirā'āt adalah *sunnah muttab'ah* yang diambil secara *talaqqi mushāfahah* melalui seorang guru daripada gurunya sehinggalah sanadnya itu tali-menali kepada Nabi SAW. Semua ini tidaklah akan terlaksana secara sempurna kecuali melalui sanad

yang sah sahaja. Melalui penyaringan yang telah dibuat dan disepakati oleh para ulama *qurrā'* maka *qirā'āt mutawātirah (al-Sab)* dan *mashhūr (al-'Asharah)* sahaja menepati apa yang disyaratkan dari sudut sanadnya dan dinilai sebagai al-Quran malah diakui bahawa kedua-dua ini adalah sebahagian daripada *ahruf sab'ah* yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

PERBANDINGAN HUKUM FIQH DARI ASPEK PERBEZAAN *QIRĀ'ĀT* DALAM HUKUM IHRAM

Di dalam al-Quran, terdapat banyak ayat-ayat yang berkenaan yang mempunyai pertalian dengan ilmu *qirā'āt* dan fikah khususnya ayat-ayat yang menepati objektif kertas kerja ini. Namun, penulis hanya mengambil salah satu daripadanya iaitu surah al-Mā'idah, ayat 95 untuk dijadikan sebagai bahan kajian dan gambaran awal dalam kertas kerja ini untuk tatapan umum. Penulis akan mengemukakan dari beberapa aspek antaranya; wajah bacaan dan penyandaran bentuk *qirā'āt*, penelitian setiap bacaan dan penafsirannya dan kesan bacaan pada hukum fikah kalangan fuqaha. Salah satu contoh ayat-ayat al-Quran yang cuba diamati iaitu permasalahan berkaitan dengan pelaksanaan jazā' bagi buruan bagi orang yang berihram. Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهِمُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِّثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ مِنْكُمْ هَدِيًّا بَلِغَ الْكَعْبَةِ أَوْ كَفَّرَهُ طَعَامُ مَسْكِينٍ أَوْ عَدْلُ ذَلِكَ صِيَامًا لِيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِ ۗ عَفَا اللَّهُ عَمَّا سَلَفَ ۗ وَمَنْ عَادَ فَيَنْتَقِمُ اللَّهُ مِنْهُ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ ﴿٩٥﴾

(al-Ma'idah 5: 95)

Maksud: Barangsiapa di antara kamu (bagi orang-orang yang sedang berihram) yang membunuhnya dengan sengaja maka dendanya ialah mengganti dengan haiwan ternak seimbang yang dibunuhnya, menurut putusan dua orang yang adil di antara kamu sebagai hadnya yang dibawa ke Kaabah atau dendanya membayar *kaffarat* dengan memberi makan orang-orang miskin atau berpuasa seimbang dengan makanan yang dikeluarkan itu. Agar dia merasakan akibat yang buruk dari perbuatannya. Allah telah memaafkan apa yang telah lalu. Dan barangsiapa yang kembali mengerjakannya, niscaya Allah akan menyeksanya. Dan ingatlah Allah Maha Perkasa, Maha berkuasa membalas dengan azab seksa.

Berdasarkan kepada ayat ini, penulis dapat meneliti beberapa aspek berkaitan dengan perbandingan dua *qirā'āt* yang berbeza dengan perkaitannya dalam pengeluaran hukum fikah berkaitan Ihram. Antaranya iaitu:

Aspek Pertama: Wajah Bacaan Dan Penyandaran Kepada Prawinya

Terdapat dua *farsh huruf* dalam ayat ini iaitu kalimah *فجزاء* dan *مثل*:

1. Asim, Hamzah, al-Kisa'i, Ya'kub dan Khalaf al-Ashir: kalimah pertama dibaca *ḍammah* dengan *tanwīn* iaitu (فَجَزَاءٌ), kalimah kedua pula dibaca dengan *ḍammah* tanpa *tanwīn* iaitu (مِثْل). (Abū Maṣṣūr Muhammad 1999) (Ibn Khalauyh 1999) (Ibn Khalaf al-Anṣārī 1999)
2. Nafi, Ibnu Kathir, Abu Amru, Ibnu Amir dan Abu Jaafar: kalimah pertama dibaca *ḍammah* tanpa *tanwīn* iaitu (فَجَزَاءٌ), kalimah kedua pula dibaca dengan *kasrah* iaitu (مِثْل). (Ibn Abi Maryam 1993; Abū Maṣṣūr Muhammad 1999)

Aspek kedua: Penelitian Setiap Wajah Bacaan Dari Sudut Penafsiran

Menurut wajah bacaan pertama, kalimah *فجزاء* dikira sebagai subjek ayat *mubtada'* manakala kalimah *مثل* sebagai predikat ayat *khavar* bagi kalimah *فجزاء*. Bacaan sebegini juga membawa makna (فعليه جزاء من النعم، مماثل للمقتول من الصيد) maksud: Maka ke atasnya balasan daripada haiwan ternakan yang menyamai haiwan buruan yang dibunuh (Ibn Khalauyh 1999).

1. Dalam keadaan ini, dari sudut '*i'rabnya* (إعراب), kalimah *فجزاء* dikira sebagai subjek ayat *mubtada'* manakala khabarnya *mahdhuf* (خبره محذوف) iaitu *taqdir* 'ke atasnya' (وهو عليه). Kalimah *مثل* pula menjadi *sifat* kepada kalimah *جزاء* yang membawa maksud menyamai (*mumāthil*). Jumlah ayat ini *ditaqdirkan* sebegini (جزاء مماثل لما قتل على ما سبق فعليه): bermaksud 'maka ke atasnya balasan yang menyamai dengan apa yang dia telah bunuh'. Bacaan ini tidak disandarkan *iḍāfat* sepertimana *qirā'āt* kedua kerana melihat pada hakikatnya iaitu tuntutan balasan (جزاء) yang dikenakan kepada pembunuh itu tidaklah sampai menyamai haiwan yang dia bunuh sepenuhnya, baik dari pelbagai sudut persamaan haiwan berkenaan bahkan perkara yang penting di sini adalah balasan yang dikenakan ekoran daripada perbuatan itu sahaja. Dalam wajah bacaan ini membawa maksud (الجزاء بعينه) balasan itu adalah dengan binatang yang menyamai buruan yang dibunuhnya (Ibn Abi Maryam 1993; al-Qurṭubī 1996; al-Qawī 1997).

Ini kerana adalah mustahil sama sekali dan amat sukar untuk mendapatkan balasan yang dikenakan itu menyamai sepenuhnya sepertimana haiwan buruan yang dibunuh tetapi memadailah ukuran balasan itu dinilai dari sudut kemunasabahan dengan apa yang dibunuhnya yang terdiri daripada binatang ternakan seperti balasan buruan haiwan kijang umpamanya menyamai dengan seekor kambing.

2. Bentuk bacaan kedua pula memperlihatkan kalimah pertama dibaca *ḍammah* iaitu (فَجَزَاءٌ), kalimah kedua pula dibaca dengan *kasrah* iaitu (مِثْل). (Ibn Abi Maryam 1993; Abū Manṣūr Muhammad 1999). Bacaan sedemikian pula kerana kalimah مِثْل menjadi *muḍāfun ilaih* (مُضَافٌ إِلَيْهِ) kepada kalimah (فَجَزَاءٌ) iaitu *muḍāfun* (مُضَافٌ). Jumlah ini dikenali sebagai sandaran (*idāfah*) yang membawa maksud (فعليه جزاءٌ مثل ما قتل) bermaksud ‘maka ke atasnya balasan yang menyamai (nilaian) apa yang dia bunuh’ (al-Qurtubi 1996). Abu ‘Ali menyatakan bahawa kewajipan balasan di sini adalah balasan bagi apa yang dibunuh dan bukanlah balasan itu mesti menyamai apa yang dibunuh. Namun begitu, bacaan *idāfah* ini menyaksikan balasan itu bermaksud mesti menyamainya dan bukanlah bermaksud balasan bagi apa yang dibunuh (al-Qurtubi 1996).

Sekiranya dalam permasalahan ini, apa yang dimaksudkan جزاء itu adalah kewajipan balasan yang dibunuh dan bukanlah balasan yang menyamai apa yang dibunuh maka wajah bacaan ini *idāfah* juga bermaksud sedemikian. Ini dapat difahami melalui pertuturan orang arab itu sendiri seperti (أنا أكرم مثلك) bermaksud (أنا أكرمك) bermaksud ‘Aku memuliakan orang seperti kamu’. Juga membawa maksud, ‘Aku memuliakan kamu’ (al-Jawzi t.th). Demikian juga maksud yang terdapat di dalam firman Allah SWT: (مَا قَتَلَ فَجَزَاءٌ مِثْل) yang dibaca dengan *idāfah* bermaksud (جزاء ما قتل): ‘balasan apa yang dia bunuh’. Sebenarnya, kalimah مِثْل ini ditaqdirkan sebagai tambahan sahaja (الزيادة) (Ibn Abi Maryam 1993).

Walau bagaimanapun, hakikat wajah bacaan ini membawa maksud (الجزاء غير المثل): ‘Balasan bukan dari yang menyamainya (dengan ternakan)’ (al-Qurtubi 1996). Ini kerana, sesuatu benda itu (balasan atau الجزاء) tidak boleh disandarkan kepada dirinya sendiri bahkan ia dirujuk melalui sudut kesaksamaan nilaian (buruan yang dibunuh). Jelasnya, kita dapat melihat bahawa tuntutan disini bukanlah ternakan yang menyamai (المثل) dengan (الجزاء) bagi buruan itu tetapi ia hanya memadai sudut kesaksamaan nilaian bagi buruan yang dibunuh itu (Muhammad al-Habs 1999).

Aspek Ketiga: Kesan Bacaan Pada Hukum Fikah Kalangan Fuqaha

Ulama mazhab telah bersepakat bahawa orang yang sedang berihram, diharamkan memburu haiwan darat, baik untuk dibunuh ataupun disembelih atau untuk sebagai bukti. Begitu juga diharamkan memburu telur dan anak-anaknya. Pengharaman ini selagi mana seseorang itu berihram dan berada di Tanah Haram. Ulama mazhab bersepakat bahawa bagi orang yang sedang Ihram itu boleh membunuh burung helang, burung gagak, tikus dan kala jengking. Sebahagian lain pula menambahkannya dengan anjing liar dan setiap haiwan yang membahayakan (Muhammad Jawad Mughniyah t.th). Begitulah juga, jenis-jenis binatang yang tidak dimakan malah

tidak membahayakan seperti kucing hutan ataupun lipas-lipas. Haiwan sebegini juga diharuskan membunuhnya kerana ia tidak dikategorikan sebagai binatang buruan dan tidak dikenakan denda kerana denda hanya dikenakan bagi binatang yang boleh dimakan sahaja. Semua prasyarat ini adalah selaras dengan apa yang terkandung dalam nas al-Quran, hadis-hadis Nabi SAW dan pengamatan daripada semua kalangan para sahabat Nabi r.a. itu sendiri (Imam Shafie t.th).

Qāḍī Abu Ya'ālā menambah bahawa buruan yang dikenakan balasan itu mestilah merupakan binatang yang dimakan dagingnya sahaja seperti rusa, kuda belang, burung kasuari dan sebagainya. Manakala selainnya yang terdiri daripada binatang buas maka tidak dikenakan balasan. Ini kerana Nabi SAW sendiri telah mengharuskan bagi seseorang yang berihram untuk membunuh ular, kala jengking, gagak, anjing liar dan seumpamanya. Beliau menambah, mengikut pendapat Imam Shafie dan Malik, mewajibkan bagi seseorang yang memburu buruan dikenakan balasan setimpal yang menyamainya yang terdiri dari binatang ternakan manakala yang tiada menyamainya pula dinilai dengan nilai tertentu. Imam Hanifah pula mewajibkan buruan yang dibunuh itu dinilai dengan nilai harga. Balasan itu mesti dinilai dengan nilai pada binatang buruan tersebut (al-Jawzi t.th) Manakala pendapat Imam Ahmad pula adalah selari dengan pendapat Imam Shafie dan Malik (al-Jaziri t.th). Walaupun begitu, penulis tidak menafikan di sana masih terdapat jurang perbezaan antara ketiga-tiga mazhab ini dalam aspek-aspek tertentu.

Bagi mazhab Imam Shafie, jika seseorang yang berihram membunuh buruan maka wajib ke atasnya balasan menyamai binatang yang dibunuh itu; terdiri daripada binatang ternakan tetapi jika sebaliknya maka buruan itu akan diadili dengan nilai yang menyamai dengannya (Muhammad al-Habs 1999) ataupun seterusnya iaitu *kaffarat* memberi makan fakir-miskin ataupun berpuasa mengikut kadaran nilai (menyamai mazhab Imam Malik). Di sini, kita dapat melihat sudut toleransi yang terdapat dalam mazhab Shafie dalam mengamalkan penginstibatan yang lahir dari kedua-dua wajah bacaan ini. Dalam mazhab ini, sekiranya buruan yang dibunuh itu mempunyai persamaan yang jelas dengan binatang ternakan maka ia membetulkan wajah bacaan pertama tetapi jika sebaliknya maka ia akan dinilai dengan nilai yang menyamai buruan tersebut. Dan ini pula membetulkan wajah bacaan kedua (Muhammad al-Habs 1999). Lantaran itu, kita melihat mazhab Shafie lebih mengutamakan kemestian bahawa balasan itu hendaklah menyamai binatang dibunuh yang terdiri daripada binatang ternakan. Namun begitu jika tidak didapati barulah ia berpindah kepada nilai buruan tersebut.

Imam Sharbīnī menyatakan dalam kitabnya menetapkan bahawa ukuran dari sudut kesaksamaan binatang buruan dengan binatang ternakan adalah seperti berikut: Seekor burung kusuari (burung unta) menyamai seekor unta, seekor seladang dan

kuda belang menyamai seekor lembu, seekor rusa menyamai seekor kambing, seekor arnab menyamai seekor anak kambing betina, haiwan yang menyerupai tikus menyamai anak kambing yang sampai umur empat bulan, spesies haiwan musang yang boleh dimakan (الثعلب) menyamai seekor kambing dan seekor *dābb* (biawak padang pasir) menyamai anak kambing yang berumur setahun. Juga disyaratkan, ukuran binatang tersebut mestilah menyamai pelbagai sifat yang ada. Antaranya, dari sudut ukuran besar, kecil, jantan, betina, berkeadaan elok ataupun baik, cacat dan seumpamanya. Kesemua ini adalah untuk memastikan bahawa perumpamaan ini selaras dengan kehendak syarak ataupun nas yang terdapat dalam al-Quran (Muhammad al-Habs 1999).

Tetapi sekiranya binatang yang tiada perumpamaan padanya mesti diadili oleh dua orang yang adil, fakih, berpengalaman dan cerdik-pandai bagi menilai binatang itu dengan sewajarnya (al-Qawi 1997). Ini kerana golongan ini adalah orang yang layak dan lebih mengetahui sudut kesaksaman antara binatang tersebut sama ada menepati kehendak syarak ataupun sebaliknya. Sekiranya dua orang yang adil menghukum bahawa binatang buruan itu mempunyai penyamaan dengan binatang ternakan tetapi dua orang adil yang lain menghukumi bahawa tiada penyamaan maka pendapat pertama itu diambil-kira. Tetapi jika dua orang yang adil menghukumi dengan seekor binatang tetapi terdapat dua orang yang adil lain menghukumi dengan binatang yang lain maka di sini orang yang berihram (berburu) itu boleh memilih di antara kedua-dua putusan yang telah dibuat itu sama ada balasan itu adalah yang pertama ataupun yang kedua. Jelasnya, penjelasan dalam mazhab Shafie adalah berpaksikan dengan wajah bacaan pertama iaitu dengan *ḍammah* (Muhammad al-Habs 1999). Dalam masa yang sama, masih mengamalkan wajah bacaan yang kedua mengikut keadaan tertentu.

Menurut mazhab Imam Malik pula, balasan yang dikenakan boleh dilaksanakan dengan cara pemilihan yang telah ditetapkan sama ada dengan binatang ternakan yang seumpamanya ataupun nilai buruan yang dibunuh tersebut. Jelasnya, (جزاء الصيد) balasan atau denda buruan itu boleh dilaksanakan sepertimana hukum *fidyah* iaitu melalui pemilihan (التخيير) daripada tiga jenis perkara iaitu (al-Jaziri 1998; al-Sayyid 1999):

1. Pertama, sudut kesaksamaan balasan binatang buruan yang mesti dari binatang ternakan yang dikenakan.
2. Kedua, binatang buruan itu dinilai dengan makanan.
3. Ketiga, nilai makanan itu diadili ataupun digantikan dengan puasa. Setiap nilai sukatan satu cupak itu dikenakan puasa selama sehari (Muhammad al-Habs 1999; al-Qurtubi 1996). Dalam mazhab ini juga, Imam Malik menetapkan setiap (الجزاء) itu mesti diadili dengan dua orang yang alim mengenai hukum-hakam.

Di sini, jelas menunjukkan bahawa mazhab Imam Malik r.a. lebih mensyaratkan keputusan itu mesti dibuat oleh dua orang yang adil dalam menilai setiap pilihan balasan (denda). Dan ini berbeza dengan mazhab Imam Shafie. Hal sedemikian kerana sekiranya (الشبيه) penyamaan dengan (الجزاء) itu diterima melalui alternatif kesaksaman dari binatang ternakan juga maka untuk apa pula Allah SWT menetapkan dua orang yang adil untuk menghakimi? Sebenarnya, penetapan dua orang yang adil adalah untuk melihat dan menilai keadaan buruan tersebut dalam pelbagai aspek baik dari besar, kecil dan seumpamanya termasuklah juga sama ada pemilihan denda itu menyamai dengan binatang ternakan ataupun sebaliknya (Muhammad al-Habs 1999).

Sedikit perbezaan antara mazhab Imam Shafie dan Imam Malik di sini iaitu, Imam Shafie menetapkan pelaksanaan kesaksaman adalah dalam bentuk binatang ternakan tetapi jika tiada maka barulah dinilai dengan nilai buruan tersebut. Tetapi Imam Malik pula menetapkan pelaksanaan ini dilakukan secara pemilihan (التخيير). Walau bagaimanapun, dalam pemilihan yang pertama; beliau bersependapat dengan Imam Shafie. Juga sedikit perbezaan yang dapat dilihat, Imam Shafie tidak mensyaratkan dua orang yang adil dalam menentukan binatang ternakan kecuali jenis binatang yang tidak ada persamaan dengan buruan sahaja tetapi Imam Malik pula menetapkan persamaan itu mesti diadili dengan dua orang yang adil bagi menghakimi binatang buruan tersebut dalam setiap putusan yang dipilih. Penulis dapat melihat bahawa dalam mazhab Malik lebih memberi kelonggaran dari sudut pratikal amalan yang lahir daripada kedua-dua wajah bacaan ini berbanding Imam Shafie.

Imam Ahmad bin Hanbal pula, buruan itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

1. Hukum buruan menyamai dengan binatang ternakan. Hukum buruan jenis ini, dibahagikan pula kepada dua bahagian iaitu:
 - a. Selaras nas-nas yang terdapat daripada para sahabat di mana kesemua balasan yang telah ditentukan itu akan dibahagikan kepada fakir miskin.
 - b. Tidak terdapat dengan apa yang telah ditentukan dan yang telah laksanakan oleh para sahabat maka ia akan dihakimi dengan dua orang yang adil bagi memastikan menepati pelbagai aspek.
2. Hukum buruan yang tidak menyamai dengan binatang ternakan. Manakala hukum buruan jenis kedua pula, ia dikenakan dengan nilai buruan tersebut (al-Jaziri t.th). Sedikit-sebanyak juga menyamai pendapat Imam Shafie dan Imam Malik.

Mazhab Imam Hanafi menyaksikan pula orang membunuh buruan itu dikenakan balasan iaitu menyamai apa yang dibunuh dari aspek nilai wang yang menyamainya sepertimana yang diputuskan oleh dua orang saksi yang adil dan berpengalaman sama ada balasan buruan itu menyamai nilai yang terdiri dari binatang ternakan dan

mengorbankannya ataupun kafarah memberi makan kepada fakir miskin (al-Sayyid 1999). Ini menepati wajah bacaan kedua iaitu secara sandaran (إضافة). Melalui penilaian tersebut, orang yang membunuhnya boleh memilih sama ada:

1. Nilaiannya itu mencukupi dengan harga haiwan yang sepertinya seperti unta, lembu ataupun kambing untuk dibeli dan dikorbankan ketika aidil adha.
2. Membeli makanan lalu disedekahkan setiap fakir miskin dua cupak gandum ataupun empat cupak kurma dan tidak harus memberi makan kepada golongan ini kurang dari dua cupak.
3. Nilaiannya makanan itu digantikan dengan puasa. Setiap nilaiannya sukatan dua cupak bagi gandum dan empat cupak bagi kurma itu pula dikenakan puasa selama sehari. Ini kerana puasa tidak mempunyai nilaiannya tersendiri bahkan perlu diukur dengan nilaiannya makanan terlebih dahulu (al-Qawi 1997)

Semua keterangan di atas adalah berdasarkan firman Allah (al-Maidah 95). Secara kesimpulannya, penulis berpandangan bahawa Imam Hanafi berpendapat sedemikian mungkin mengamati bahawa balasan ini tidak dapat menyamai buruan dengan ternakan dari aspek ketepatannya bahkan ia harus melalui penilaian sahaja di mana ia perlu dihakimi oleh dua orang yang adil dan mempunyai pengalaman.

KESIMPULAN

Jelasnya, kesan *qirā'āt* ini secara tidak langsung telah memberikan impak yang besar dalam sesuatu mazhab untuk menginstibatkan sesuatu hukum yang selayak dengannya berlandaskan nas al-Quran itu sendiri. Dalam permasalahan ini, kedua-dua wajah bacaan ini telah memainkan peranannya dengan membuka minda semua betapa fleksibel dan teliti penginstibatan sesuatu hukum yang terdapat dalam permasalahan ini adalah berpaksikan nas wajah *qirā'āt* itu sendiri. Wajah bacaan dengan *tanwin* membawa maksud kewajiban balasan yang dikenakan itu mesti terdiri daripada binatang ternakan bagi menyamai dengan binatang buruan yang dibunuh semata-mata untuk memastikan pelaksanaan ini menepati syarak. Manakala bacaan dengan *idāfat* pula menyaksikan bahawa di sana terdapat keharusan ataupun keizinan balasan yang dikenakan memadai dengan nilaiannya buruan yang dibunuh. Melalui kedua-dua wajah bacaan ini juga, kita dapat katakan bahawa kewajiban bagi balasan itu mestilah menyamai dengan buruan itu (baik dari sudut binatang ternakan ataupun nilaiannya). Malah tidak harus bagi seseorang itu berpaling selainnya kecuali tidak mendapati apa yang dikehendaki (menghadapi kemaslahatan). Jika dalam keadaan sebegini (kemaslahatan) maka barulah harus melaksanakannya dengan salah-satu daripada *kaffarat* yang telah diterangkan oleh Allah SWT (al-Qurtubi 1996: al-Qawī 1997). Jumhur ulama yang terdiri Imam Malik, Shafie dan Ahmad berpendapat balasan itu wajib dengan *al-Mathl* (المثل) manakalah Imam Abu Hanifah pula berpendapat wajib dengan nilaiannya (القيمة) (Ibn al-Rush 1995). Pengeluaran hukum fikah kalangan

Fukaha ini secara tidak langsung memperlihatkan kefungsian nas *qirā'āt* itu sendiri di samping memberi ruang nafas bagi keanjalan hukum fikah dalam kehidupan manusia bagi menjalani ibadat kepada Allah SWT. Perbezaan *qirā'āt* ini memberi kesan besar dalam penginstibatan hukum fikah yang melibatkan kewajiban dan keharusan dalam perkara ini. Kedua-dua hukum berkenaan menjadi sumber rujukan utama kalangan umat Islam yang mengamalkan ajaran Islam. Perbezaan ini merupakan rahmat dan bukannya khilaf yang menyebabkan perbalahan antara satu sama lain. Keyakinan dan kepercayaan terhadap penginstibatan hukum yang terhasil dari perbezaan *qirā'āt* adalah suatu yang wajar diketahui terutamanya kalangan ilmuan Islam secara khususnya dan masyarakat Islam secara umumnya.

RUJUKAN

- al-Quran dan Terjemahan*, Medina, Mujama' al-Malik Fahd li Thiba'at al-Qur'an Mushaf al-Sharif.
- Abū Manşūr Muhammad. 1999. *al-Iqna' fi Qirā'āt al-Sab'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Banna, 'Allamah al-Sheikh Ahmad ibn Muhammad. 1987. *Ithaf fudala' al-Bashar*. Terj. Sha'ban Muhammad Isma'il. Beirut: 'Alam al-Kutub & al-Qaherah.
- Ibn Abi Maryam. 1993. *al-Kitab al-Mudah fi Wujuh al-Qirā'āt Wa Ilaliha*. Sunt. Umar Hamdan al-Kubaisi. Beirut: Mu'assah Fuad.
- Ibn Khalaf al-Ansari. 1999. *al-Iqna' fi Qirā'āt al-Sab'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Khalauyh, Abi Abdullah al-Huddayn. 1999. *al-Hujjah fi al-Qirā'āt al-Sab'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, al-Masri, Imam al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Makram al-Ifriqi. 1999. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn al-Rush. 1995. *Sharh bidayah al-Mujtahid wa nihayah al-Muqtasid*. Terj. 'Abdullah al-'Abbārī. Qāhirah: Dār al-Salām
- Imam Malik. 1998. *Kitab al-Muwattā'*. Terj. Suddqi Jamil al-'Aṭṭār. Beirut: Dār al-Fikr.
- Imam Shafie. t. th. *Kitab al-Umm*. Taba'ah al-Shu'ub. Jil.2. Qahirah: t.pt.
- al-Jawzi, Jamaluddin Abd. Rahman. t.th. *Zad al-Muyassar fi Ilm al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Jaziri, 'Abd. Rahman. t.th. *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmiyyah.

- Muhyī al-Dīn Ṣābir. 1999. *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*, al-Munazzamah al-'Arabiyyah li 'al-Taribiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm. t.tp: t.pt.
- Muhammad Jawad Mughniyah. t.th. *Fiqh Lima Madhhab Ja'fari, Hanafi, Maliki, Shafii, Hambali*. t.tp: Buku Kesatu.
- Muhammad al-Habs. 1999. *al-Qirā'āt al-Mutawātirah wa Atharuha fi al-Rasm al-Qur'ani wa al-Ahkam al-Shar'iyyah*. Damshik: Dar al-Fikr.
- al-Qawī, Ṣabri 'Abd al-Ra'ū. 1997. *'Atha al-Qirā'āt fi al-Fiqh al-Islāmī, Aḍwā'* al-Salaf, Riyād. t.tp: t.pt.
- al-Qurtubi. 1996. *al-Jāmi' li ahkām al-Qurān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sayyid, Sābiq. 1999. *Fiqh al-Sunnah*. al-Qahirah: Dar al-Fath li' I'lan al-'Arabi.
- al-Shāṭibīyy, al-Qasim bin Firuh bin Khalaf Bin Ahmad al-Ru'yani al-Andalusi. t.th. *Matan al-Shāṭibīyy, Hizru al-Amānī wajhu al-Tahānī fī Qirā'āt al-Sab'ah*. t.tp: Maktabah Dār al-Matbua al-Hadisah.
- Sha'ban Muhammad Isma'il. 1986. *al-Qirā'āt ahkamuha wa masdaruha*. al-Qaherah: Dar al-salam.
- al-Zarqānī, Syaikh Muhammad Abd. Azim. 1942. *Manahil al-'Irfān fī 'ulum al-Quran*. t.tp: Dār Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.